



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH  
جَابَاتُنْ حَالِ إِحْوَالِ الْأَمْرِ اِسْلَامِ نَجَارِي سَابَاه

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

17 SYAWAL 1445H/ 26 APRIL 2024M

### AL-QURAN INSPIRASI UMAT ISLAM SEPANJANG ZAMAN

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- ▶ Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- ▶ Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- ▶ Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- ▶ Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- ▶ Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- ▶ Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

قُلْ لَئِنِ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْءَانِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا ﴿٨٨﴾ (الإسراء : 88)

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفَ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الرَّازِدِ التَّقْوَىٰ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### **SAUDARA HADIRIN SIDANG JUMAAT YANG MULIA**

Terlebih dahulu khatib ingin berpesan kepada saudara sekalian dan diri khatib sendiri, marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan ketakwaan yang sebenar-benarnya, kerana takwa merupakan buah keimanan bagi setiap Islam. Bersempena dengan Majlis Penangguhan dan Penyampaian Hadiah Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran Peringkat Negeri Sabah, khatib sekali lagi menyampaikan khutbah yang bertajuk : “***al-Quran Sumber Inspirasi Umat***”.

Pada Jumaat yang lepas khatib telah membicarakan kepentingan penganjuran Majlis Tilawah al-Quran. Program tersebut menjadi platform dan ruang untuk melahirkan generasi

yang berkualiti serta cakna al-Quran. Insya Allah pada malam ini, majlis tersebut akan dilabuhkan dan penyampaian hadiah akan disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-pertua Negeri Sabah.

Sejarah telah membuktikan bahawa al-Quran bukan sahaja menjadi inspirasi umat Islam, tetapi juga terhadap agama yang lain. Mesej keagamaan dan toleransi al-Quran bergema di seluruh dunia sehingga dunia berakhir. Al-Quran diturunkan dengan wawasan hebat, mempunyai misi dan visi tersendiri. Ayat daripada firman Allah SWT dalam Surah al-A'laq 1-5 yang berbunyi :

٢٠ أَقْرَأُ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَنَ مِنْ عَلِقٍ ۝ أَقْرَأُ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۝  
الَّذِي عَلِمَ بِالْقَلْمَنِ ۝ عَلِمَ الْإِنْسَنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝

**Maksudnya** : “Bacalah (wahai Muhammad), Dia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu yang Maha Pemurah. Mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya”.

Lima ayat pertama dari surah ini, jelas mempunyai maksud tersirat dan tersurat supaya manusia menuntut ilmu, belajar, dan berusaha menguasai sebanyak mana disiplin ilmu pengetahuan. Selain daripada itu, Allah SWT juga mengisyaratkan agar Rasulullah SAW serta umatnya memulakan penerokaan Ilmu dengan ‘*Bismi Rabbik*’ yakni bacalah dengan memulakan menyebut nama Tuhan kamu.

Keindahan ayat suci al-Quran, apabila dibaca dengan penuh penghayatan dapat menggetarkan jiwa, memberi ketenangan dan penyembuhan kepada rohani. Fakta ini jelas merungkai fenomena al-Quran yang begitu hebat dan dahsyat melalui keindahan bahasa, ketepatan dan keseimbangan hujjah, kaya pengertian dan kebenaran serta mudah difahami dan memberi kesan mendalam terhadap pembacanya. Seandainya Manusia dan Jin bergabung dalam menghasilkan sebuah kitab, nescaya mereka tidak berupaya menandingi kitab al-Quran hatta mendatangkan satu ayat sekalipun. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Isra' ayat ke 88 yang berbunyi :

قُلْ لَّيْنِ أَجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْءَانِ لَا يَأْتُونَ  
بِمِثْلِهِ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا ﴿٨٨﴾

**Maksudnya** : "Katakanlah, "Sesungguhnya jika manusia dan jin berkumpul untuk membuat yang serupa (dengan) Al-Qur'an ini, mereka tidak akan dapat membuat yang serupa dengannya, sekalipun mereka saling membantu satu sama lain."

## **MUSLIMIN MUSLIMAT JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,**

Apabila al-Quran menceritakan sesuatu, ia seolah menghidupkan kembali abad yang silam sehingga kita melihat layar lebar di hadapan mata menyaksikan setiap babak peristiwa berlaku dalam sejarah umat terdahulu.

Firman Allah SWT di dalam surah Toha, ayat 99 :

كَذَلِكَ نُقْصُ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَاءِ مَا قَدْ سَبَقَ وَقَدْ عَاتَيْنَاهُ مِنْ لَدُنَّا ذِكْرًا ﴿٩﴾

**Maksudnya :** “Demikianlah Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad), sebahagian daripada kisah-kisah umat manusia yang telah lalu dan sesungguhnya Kami telah memberikan kepadamu, dari sisi kami sebuah Kitab al-Quran yang menjadi peringatan”

Fakta menarik mengenai al-Quran ialah, apabila Allah SWT membawa kisah manusia berkenaan sama ada yang Mukmin mahupun yang kafir, ia yakni al-Quran tidak menjelaskan siapakah nama sebenar sosok tubuh yang dimaksudkan. Sebagai contoh apabila disebut sahaja nama Firaun, ia akan merujuk kepada seorang pemerintah tertinggi di Mesir ketika itu. Begitulah halnya kisah Ashabul Kahfi, Ashabul Ukhudud dan lain-lainnya.

### **JAMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI,**

Daripada segala permasalahan, kisah dan ibrah yang diceritakan di dalam al-Quran, ia merupakan satu isyarat jawapan yang jelas iaitu Allah SWT mempermudahkan manusia agar mereka mengimani dan menjauhi perkara-perkara yang boleh mendatangkan kecelakaan dan azab Allah di akhirat kelak.

Al-Quran banyak memaparkan kisah tabiat manusia yang menolak kebenaran para Anbiya. Mereka merasakan dakwah serta ajaran para Nabi dan Rasul yang disampaikan itu menyebabkan mereka berasa tercabar dan mengatasi kedudukan mereka. Resmi orang sebegini ialah mereka menganggap orang yang bijak akan menjadi pesaing.

Justeru itu mereka akan memusuhi dan mencari-cari jalan bagaimana hendak menghalang atau mengatasi pesaing tersebut. Malahan peristiwa seperti ini sentiasa berulang di setiap zaman dan tempat bahkan akan dihadapi semua pejuang kebenaran di sepanjang zaman.

Sesungguhnya kisah yang dipaparkan oleh al-Quran adalah sebahagian daripada tanda Mukjizat agung Rasulullah SAW. Ia akan terus kekal dan menjadi panduan buat seluruh umat manusia sejak ianya diturunkan sehingga berlakunya kiamat. Baginda Rasulullah SAW pernah bersabda dalam sebuah hadis yang **bermaksud** : “ *Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang mana kamu tidak akan sesat selagi mana kamu berpegang dengannya, iaitu al-Quran dan Sunnah* ” (HR.Imam Malik).

Menyimpul khutbah minggu ini, khatib ingin merumuskan bahawa al-Quran menggesa umat manusia untuk menggunakan akal dan mata hati untuk menilai dan meneroka pelbagai disiplin ilmu. **Kedua:** fahami dan amalkanlah segala

ajaran yang terkandung dengan sekemas-kemasnya di samping mengambil iktibar dan peringatan daripada kisah-kisah umat terdahulu. Dan yang **ketiga-** al-Quran Mukjizat teragung yang diterima Rasulullah SAW yang tetap terpelihara oleh Allah SWT sehingga hari kiamat. Firman Allah SWT di dalam surah al-Hijr, ayat 9 :

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُوَ لَحَافِظُونَ ﴿١﴾

**Maksudnya:** “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Zikr (al-Quran, dan kamilah yang memelihara dan menjaganya”.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسِلِمِينَ وَالْمُسِلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.

## تิกس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأُمَّيِّ، وَعَلَى  
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فِيَ عِبَادَةِ اللَّهِ ، إِتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا  
بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضُ عَنِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنِ التَّابِعِينَ  
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ  
الاَكْرَمِينَ.اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ.اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَةَ وَالهِدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ  
عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَهْ دُولِي يَعْ مَا مُولِيا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدا يَعْ دَفْرِتوَنَ أَكُوعَ وَفَخَامَةَ  
الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانَ يَعْ تَرَاوِتَمَ يَعْ دَفْرِتوَنَ نَكَري سَابِهَ وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ  
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَةً، إِنَّكَ رَءُوفُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا  
بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan, serta menangkanlah mereka dengan bantuan bala tentera-Mu yang tidak terduga oleh mereka.

Ya Allah, turunkanlah hujan kepada kami, hujan yang lebat merata, mengairi, menyuburkan, bermanfaat tanpa mencelakakan, turunkanlah hujan di sekitar kami, turunkanlah hujan ke dataran tinggi, gunung-ganang, bukit-bukau, lembah, dan tempat tumbuhnya pepohonan.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji. Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .  
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعْظُمُ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ  
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

[Tel:088-522127/](tel:088-522127) [jheains.penerbitan@gmail.com](mailto:jheains.penerbitan@gmail.com)